



MAIPs

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

**IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL
MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MySTEP)
DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada Anak Negeri Perlis yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis;

Bil.	Jawatan	Bil. Kekosongan	Tempoh Pelantikan	Penempatan	Kadar Upah
1.	PERSONEL MySTEP (PENOLONG PEGAWAI TADBIR)	1	3 Bulan	Unit Zakat	RM2,100.00/ Bulanan
2.	PERSONEL MySTEP (PEMBANTU TADBIR- PERKERANIAN/ OPERASI)	1	3 Bulan	Unit Kewangan	RM1,900.00/ Bulanan
Kemudahan					
Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO					

SYARAT LANTIKAN

1. PERSONEL MySTEP (PENOLONG PEGAWAI TADBIR)

- i) Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan dan keperluan seperti berikut;
 - a) kelulusan Diploma/STPM yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - c) Fasih berkomunikasi dan menulis dalam bahasa melayu dan bahasa inggeris.
 - d) Mempunyai kemahiran asas komputer (MS Office: Word, Excel).
 - e) Personaliti yang mesra, sabar, dan mempunyai kemahiran mendengar yang baik.
- iii) Tanggungjawab Kerja;
 - a) Mengendalikan pertanyaan pelanggan melalui telefon, WhatsApp dan media sosial.
 - b) Menyelesaikan aduan pelanggan dengan profesional.
 - c) Membina hubungan baik dengan pelanggan.
 - d) Mengurus rekod dan susulan pelanggan.

2. PERSONEL MySTEP (PEMBANTU TADBIR-PERKERANIAN/OPERASI)

- i) Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan dan keperluan seperti berikut;
 - a) Minimum SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - c) Berkemahiran dalam menggunakan sistem/perisian seperti *Microsoft word, Powerpoint, Excel*, dan mahir dalam menguruskan data.

iii) Tanggungjawab Kerja;

Bertanggungjawab membantu menjalankan tugas-tugas di Unit kewangan berhubung urusan-urusan kewangan am, terimaan, pembayaran, dan penyesuaian akaun.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengisian Jawatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang boleh didapati melalui laman web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan melayari www.maips.gov.my atau kaunter pentadbiran ini.
2. Hanya calon yang berkeelayakan selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungjawab calon.
4. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - Gambar berwarna terkini berukuran pasport (tidak dikembalikan)
 - *Resume*
 - salinan *MyKad*
 - salinan sijil kelahiran
 - salinan kelulusan akademik (SPM)
 - salinan sijil berhenti sekolah dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 ke atas).
5. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak Berjaya.
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
7. Permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dialamatkan dan dihantar kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
NO. A2, TAMAN PENGKALAN ASAM
JALAN TUANKU SYED PUTRA
01000 KANGAR, PERLIS**
8. **Satu Borang hanya satu jawatan Sahaja.**
9. Sila tuliskan **nama jawatan** yang dipohon di bahagian atas sebelah kiri pada sampul surat boring permohonan jawatan.
10. **TARIKH TUTUP IKLAN: 8 JUN 2026 (ISNIN)**

